

Kontraktor pembersihan terperanjat temui janin dalam lori sampah

Jumpa mayat bayi di Putrajaya

KOSMO - 8/2/19 (mls 10)

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA — Pekerja yang melakukan kutipan dan pembersihan sampah di sebuah kuarters penjawat awam di Presint 18 di sini diketuk dengan penemuan mayat seorang bayi perempuan dalam lori sampah pagi semalam.

Dalam kejadian pukul 9.25 pagi itu, pekerja kontraktor pembersihan Alam Flora dikatakan menemui mayat berkenaan selepas melakukan kerja-kerja kutipan sampah di rumah sampah Blok D apartmen di sini.

Menurut sumber, hasil pemeriksaan mendapati bayi cukup sifat itu masih bertali pusat dan berusia antara tujuh ke lapan bulan.

“Pihak polis menerima panggilan telefon daripada orang awam memaklumkan mengenai penemuan janin itu sebelum sepasukan anggota polis diarahkan ke lokasi kejadian.

“Mayat bayi berkenaan kemudian dihantar ke Hospital Pu-



KEDIAMAN blok apartmen tempat mayat seorang bayi perempuan ditemui.

trajaya untuk siasatan lanjut,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisioner Rosly Hassan ketika dihubungi *Kosmo!* mengesahkan penemuan tersebut.

Beliau berkata, pihaknya sedang mengesan individu terlibat dan kes itu disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran.



SEPASUKAN anggota polis melakukan siasatan di lokasi penemuan mayat seorang bayi perempuan di Blok D sebuah apartmen di Putrajaya semalam.